

Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.5 (26)
Tarikh : 7 November 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN BAGI TAHUN 2024

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2023, Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai SPANM Bilangan 6 Tahun 2023 adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

2.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2024; dan

2.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/ Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

3. Pekeliling ini hendaklah dibaca dengan SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa.

4. Sehubungan dengan ini, dilampirkan SPANM tersebut untuk makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Jadual Input Gaji Modul Human Capital Management (HCM) Peringkat PTJ bagi Tahun 2024 akan diedarkan secara berasingan.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**